

Kenaikan gaji perbaiki perkhidmatan awam

BH-26/2/2007

Cuepacs jumpa wakil negeri bincang kelemahan, anjur seminar

Oleh Nahar Tajri

KUALA LUMPUR: Kesediaan kerajaan menimbang secara serius tuntutan kenaikan gaji kakitangan awam dilihat sebagai satu suntikan moral kepada golongan pekerja, sekali gus membantu mereka memperbaiki prestasi dan khidmat pelanggan.

Presiden Cuepacs, Omar Osman, berkata kesediaan kerajaan itu boleh disifatkan sebagai satu petanda baik ke arah usaha memartabatkan sumbangan kakitangan awam kepada pembangunan ekonomi negara.

Katanya, ia juga akan meningkatkan lagi komitmen kakitangan awam dalam menjayakan tiga strategi utama yang sudah dirangka bagi memperbaiki mutu kerja dalam membuktikan mereka memang layak diberi kenaikan gaji.

"Kita akan berjumpa wakil setiap negeri bagi membincangkan usaha mengatasi apa saja kelemahan yang ada dan mengadakan seminar untuk

memberi latihan berdasarkan cadangan dikemukakan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa kerajaan akan membuat pertimbangan serius tuntutan Cuepacs terutama berkaitan semakan gaji kakitangan awam yang kali terakhir dibuat 14 tahun lalu.

Katanya, kerajaan memerlukan sedikit masa untuk mengkaji tuntutan itu kerana membabitkan pertambahan perbelanjaan mengurus dan keputusannya tertakluk kepada kemampuan kewangan.

Najib berkata, ada justifikasi untuk kerajaan mengkaji tuntutan itu terutama bagi gaji kakitangan kumpulan rendah yang dikhuatiri berada di bawah garis kemiskinan.

Dalam tuntutannya, Cuepacs antara lain menyatakan kenaikan gaji wajar diberikan kerana kira-kira 60,000 kakitangan sokongan mungkin berada di bawah paras kemis-

kinan. Jika kerajaan tidak membuat semakan gaji dalam tempoh tiga tahun lagi.

Omar berkata, seminar dan latihan yang diadakan Cuepacs itu dijangka berkesan dalam mencapai matlamatnya meningkatkan prestasi kerja dan

“Cuepacs tetap dengan pendirian menolak Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Faedah Pencen Bersara (FPB) kerana pendekatan itu tidak memberi impak yang baik kepada ahlinya”

Omar Osman
Presiden Cuepacs

mutu khidmat pelanggan yang ketika ini sering dikritik pelbagai pihak.

Beliau berkata, Cuepacs akan berusaha memastikan semua kakitangan awam meningkatkan mutu kerja, khidmat pelanggan dan tahap kecekapan masing-masing jika kerajaan bersetuju memberikan kenaikan gaji.

Bagaimanapun, katanya, Cuepacs tetap dengan pendirian menolak Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan Faedah Pencen Bersara (FPB) kerana pendekatan itu tidak memberi impak baik kepada ahli.

Katanya, pendirian itu diambil kerana kedua-dua PTK dan FPB dilihat sebagai tidak menambah baik sistem sedia ada, sebaliknya boleh menimbulkan kerumitan dan menjejaskan motivasi kakitangan awam.

"Kami tidak akan mengemukakan cadangan baru berhubung FPB kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana masih menunggu keputusan muktamad kerajaan berhubung perkara berkenaan," katanya.